

Ruj. Kami : PMS/UPT(S)173/5/ (24)
Tarikh : 30 April 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah,

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah.

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 12/1997**

**PERUBAHAN DAN PERLANJUTAN TEMEPH KONTRAK
UNTUK KONTRAK BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa pejabat ini dapati ada beberapa Jabatan/Agensi yang beranggapan tambahan kuantiti item di dalam kontrak serta perlanjutan tempoh kontrak boleh dilaksanakan tanpa rmendapat sebarang kelulusan daripada pihak berkuasa yang meluluskan tender asal dan/atau Perbendaharaan.

2. Anggapan serta amalan ini adalah salah dan tidak tepat dan sukacita ditarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada Arahan Perbendaharaan 201 yang telah dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1994 seperti berikut:-

" 201 - Perubahan Dan Perlanjutan Tempoh Kontrak Untuk Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan.

201.1. - Pihak Berkuasa dan Jenis Perubahan Yang Dibenarkan.

a. Perubahan atau perlanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan bagi perolehan Persekutuan boleh diuluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal dengan syarat berikut:-

i. Perubahan atau perlanjutan tempoh kontrak tidak melibatkan perubahan harga.

ii. Perlanjutan tempoh kontrak hanya diberi sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga dua (2) tahun.

iii. Tambahan kuantiti tidak melebihi 50% daripada kuantiti di dalam kontrak asal tertakluk kepada maksimum RM2.5 juta dan dengan syarat jumlah tambahan ini dan nilai kontrak asal tidak melebihi RM 7.0 juta.

b. Semua perlanjutan atau perubahan selain dari yang disebutkan dalam Arahan 201.1(a)(i) dan 201.1(a)(ii) di atas hendaklah dirujuk kepada Perbendaharaan untuk kelulusan. "

3. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan/Agensi Persekutuan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 201 berkaitan dengan Perubahan Dan Perlanjutan Tempoh Kontrak Untuk Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan.

4. Pegawai-Pegawai yang telah bertanggungjawab ke atas apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dilakukan atau tentang apa-apa bayaran wang awam yang tidak disahkan dengan seumpama boleh disyorkan untuk dikenakan tindakan surcaj.

5, Pejabat ini berharap semua Jabatan/Agensi akan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Di atas perhatian Y. Bhg. Datol/Datuk/Tuan/Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.